

Khamis – 09 Januari 2020

Halaman : 02

**Alor Gajah:** Selepas hampir tiga tahun ‘ponteng’ sekolah, lapan anak Orang Asli dari Kampung Bukit Payong, di sini, akhirnya memulakan sesi persekolahan, semalam.

Tujuh daripada mereka menyambung semula persekolahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Mansor Shah (SMKSMS) Pulau Sebang pada hari pertama persekolahan, Khamis lalu manakala seorang lagi di Sekolah Kebangsaan Cherana Putih, di sini.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Taboh Naning, Zairi Suboh berkata, tiga daripada mereka berusia 16 tahun berjaya dipujuk untuk menyambung semula persekolahan dalam tingkatan empat.

“Mereka berhenti sekolah dalam tingkatan satu kerana

**PELAJAR** orang Asli Kampung Bukit Payong kembali ke sekolah hasil usaha Japerun Taboh Naning.



## Lapan anak Orang Asli kembali ke sekolah

pelbagai faktor seperti masalah kewangan, pengangkutan dan seumpamanya,” katanya ketika ditemui semalam.

Hadir sama, Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras DUN (Japerun) Taboh Naning, No-

rhadi Otoh dan Pegawai Kebijakan Japerun berkenaan, Mohd Taufik Abdul Rahman yang bertungkus-lumus membawa mereka kembali menyarung pakaian seragam sekolah.

Beliau berkata, seramai ti-

ga lagi anak Orang Asli ter-

babit yang berusia 15 tahun memulakan sesi persekolahan tingkatan tiga selepas berhenti sekolah dalam tingkatan satu.

Selain itu, seorang pelajar melangkah ke tingkatan satu selepas menamatkan persekolahan ketika masih dalam

tahun enam dan seorang lagi menyambung semula pembelajaran dalam tahun dua selepas berhenti sekolah dalam tahun satu.

Zairi berkata, usaha memujuk pelajar terabit kembali ke sekolah tidak mungkin mampu direalisasikan

tanpa bantuan Pengurus Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli (MPKOA) Bukit Payong, Tok Batin Nur Isjime yang berusaha gigih memujuk ibu bapa pelajar terabit supaya membenarkan anak masing-masing kembali ke sekolah.

Selain itu, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) Daerah Alor Gajah turut membantu usaha membawa pelajar terabit kembali ke sekolah berikutan kesediaan jabatan itu menyediakan yuran, wang saku dan kos pengangkutan mereka.

“Kami juga berterima kasih kepada Pengetua SMKSMS, Norisah Masdar yang banyak membantu usaha itu hingga membolehkan pelajar terabit kembali menimba ilmu untuk masa depan yang lebih gemilang,” katanya.